




بِالْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ وَالْإِسْلَامِ سُلْطَانِ هَاجِ حَسَنِ الْبَلْقِيَةِ

BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH





PENGENALAN

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sebuah seni bina Islam ikonik yang megah dan moden direka oleh arkitek terkemuka PEI Architects dibina di atas salah satu kawasan tertinggi di Bandar Seri Begawan dan terletak di Jalan Pengiran Babu Raja, kira-kira 3 km dari pusat bandar, telah dibuka secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 Safar 1441 bersamaan 12 Oktober 2019.

Balai Khazanah Islam merupakan manifestasi kepimpinan intelektual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam melestarikan, memperkasa dan memelihara tamadun dan budaya Islam serta mempromosikan ilmu dan warisan Islam secara global. Terdapat sembilan (9) galeri kekal yang mempamerkan koleksi khazanah Islam milik peribadi Baginda merangkumi pelbagai artifak seperti Mushaf Al-Qur'an, manuskrip Arab, Parsi dan Melayu, tasbih, tongkat, fosil, alat astronomi Islam, serta Rambut Mulia Nabi Muhammad ﷺ, cebisan burdah, replika pedang Nabi dan para sahabatnya, dan banyak lagi. Balai Khazanah juga mempunyai beberapa kemudahan bertaraf dunia termasuk auditorium, bilik persidangan, bilik mesyuarat, ruang orang kenamaan, makmal pemuliharaan dan surau. Seni bina yang indah dan koleksi khazanah Islam ini diharapkan dapat menjadikannya mercu tanda sebagai pusat sehenti destinasi pelancongan Islam.



بِالْأَيْمَنِ نَسَبْنَا سُلْطَانًا حَامِحًا حَسْبَ الْبَلْقِيَةِ

BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

GALERI-GALERI PAMERAN

GALERI 1: KEBESTARIAN RAJA

Galeri ini memfokuskan kepada kepimpinan, keperibadian dan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya dari perspektif agama Islam. Sebahagian bahan koleksi yang dipamerkan adalah buku-buku terbitan yang berkaitan koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hukum Kanun Brunei, Mushaf Brunei Darussalam dan Jubah Keberangkatan Baginda selepas menunaikan ibadah Haji.



GALERI 2: MUSHAF

Galeri ini mempamerkan koleksi mushaf milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bentuk, warna dan ciri penulisan yang berasal dari Palestin, Malaysia, Indonesia, Iran, Turkiye, Sepanyol, India dan lainnya.

GALERI 3: RAMBUT MULIA RASULULLAH ﷺ

Galeri ini mempamerkan Rambut Mulia Rasulullah ﷺ serta koleksi lain yang terdiri dari cebisan burdah serta replika kesan tapak kaki, pedang-pedang dan tongkat Rasulullah ﷺ.



GALERI 4: ATHAR SAHABAT

Galeri ini mempamerkan koleksi barang peninggalan para Sahabat Rasulullah ﷺ yang sebahagiannya terdiri dari replika Al-Qur'an 'Utsmani, pedang-pedang, rambut dan janggut para sahabat serta cucunda Rasulullah ﷺ.



GALERI 5: WARISAN ILMU I

Galeri ini mempamerkan koleksi mata wang dan manuskrip Islam milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bidang ilmu agama dengan Bahasa Arab, Parsi dan Melayu (Jawi).

GALERI 6: WARISAN ILMU II

Galeri ini mempamerkan *kiswah* Ka'abah sebagai tumpuan utama yang berkait rapat dengan ibadah haji (rukun Islam kelima). Galeri ini juga mempamerkan tirai makam Rasulullah ﷺ.





GALERI 7: TANDA-TANDA KEBESARAN ALLAH ﷻ

Galeri ini mempamerkan kumpulan fosil flora dan fauna yang jelas memperlihatkan tanda-tanda kebesaran Allah ﷻ. Fosil fauna adalah terdiri daripada *Lycoperidae* (ikan), *Pinnidae* (kerang), *Mollusca* (siput), *Galenidae* (ketam), batu karang dan sebagainya. Sementara itu, fosil flora yang dipamerkan di galeri ini adalah seperti biji, daun, dan batang pokok dari era Neogen. Lebih menarik lagi sebahagian fosil-fosil berkenaan ditemui di Negara Brunei Darussalam.

GALERI 8: ASTRONOMI

Galeri ini menempatkan alat-alat tradisional yang digunakan oleh para sarjana Islam dalam bidang astronomi seperti astrolab, kuadran, kompas, tolok hujan, glob samawi dan teleskop.



GALERI 9: KESENIAN ISLAM, TONGKAT DAN TASBIH

Galeri ini memperlihatkan kesenian Islam seperti jenis khat kaligrafi, rehal, tekstil, seni bina dan seramik. Galeri ini juga mempamerkan tongkat dan tasbih yang merupakan koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

WAKTU OPERASI

Kaunter Tiket:

Sabtu - Khamis

9:00 pagi - 3:00 petang

Hari Juma'at : Tutup

*Pada bulan Ramadhan : 9:00 pagi -1:00 petang

Galeri:

Sabtu - Khamis

9:00 pagi - 5:00 petang

Hari Juma'at : Tutup

*Pada bulan Ramadhan : 9:00 pagi -3:00 petang

+673 2220701 ext 140

info@bkishhb.gov.bn

www.bkishhb.gov.bn

Balai Khazanah Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

bkishhb.bn

Simpang 26,
Jalan Pengiran Babu Raja,
Bandar Seri Begawan, BA 2112
Negara Brunei Darussalam.

MAKLUMAT TIKET

Residen:

Dewasa
[13-59 tahun] BND 5.00

Kanak-kanak
[6-12 tahun] BND 3.00

Warga Emas
[60 tahun ke atas] BND 4.00

OKU Dewasa
[13 tahun ke atas] BND 4.00

OKU Kanak-kanak
[6-12 tahun] BND 2.00

Bukan Residen:

Dewasa
[13 tahun ke atas] BND 10.00

Kanak-kanak
[6-12 tahun] BND 6.00

PETA



SILA PATUHI



PELAWAT ADALAH DISARANKAN UNTUK
MEMAKAI PAKAIAN SOPAN DAN MENUTUP AURAT



DILARANG
MERAKAM



DILARANG
MENGAMBIL
GAMBAR



DILARANG
MEROKOK




DILARANG MEMBAWA
MAKANAN &
MINUMAN

PETA



ARAS SATU



ARAS BAWAH

NOTA

- 1 KAUNTER TIKET
 - 2 KEDAI CENDERAHATI
 - 3 TANDAS
 - 4 BILIK LOKER & JUBAH
 - 5 KAFETERIA
 - 6 RUANG PAMERAN ISTIMEWA
 - 7 AUDITORIUM
 - 8 BILIK PERSIDANGAN
 - 9 RUANG ORANG KENAMAAN
 - 10 RUANG DIRAJA
 - 11 BILIK PENYUSUAN IBU DAN RAWATAN
 - 12 BILIK KULIAH
 - 13 SURAU
 - 14 TAMAN HERBA
-  LIF



SILA IMBAS BAGI
MAKLUMAT LANJUT



SILA IMBAS UNTUK
MEMBERI MAKLUM BALAS